

ICAEW: Pendapatan Per Kapita Malaysia Dijangka Meningkatkan Sepertiga Menjelang 2020
Bernama
7 Mac, 2012

KUALA LUMPUR, 7 Mac (Bernama) -- Pendapatan per kapita Malaysia dijangka meningkat sepertiga menjelang 2020, hasil daripada pertumbuhan kukuh, demikian menurut Laporan Gambaran Ekonomi suku tahun Institut Akauntan Bertauliah di England dan Wales (ICAEW).

Bagaimanapun, laporan itu mendapati bahawa pertumbuhan penduduk yang tinggi di Malaysia berkemungkinan menghalang pertumbuhan pendapatan per kapita pada kadar yang lebih tinggi.

Dalam satu kenyataan Rabu, ICAEW berkata kadar per kapita keluaran dalam negara kasar (KDNK) di seluruh rantau ini dijangka meningkat dalam dasawarsa ini.

"Jurang taraf hidup dalam kalangan negara-negara Asean berkemungkinan semakin luas, dengan perbezaan per kapita KDNK tahunan antara warga Singapura dengan purata warga Asean meningkat daripada hampir US\$42,000 kepada hampir US\$54,000," katanya.

Ia berkata, berbeza dengan zon euro, AS dan Jepun, negara-negara Asean mempunyai nisbah hutang/KDNK yang agak rendah serta prospek stabil atau merosot pada umumnya, dengan nisbah hutang Malaysia pada 55 peratus dan dijangka meningkat sedikit.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=650659>